

**‘A History of Islamic Societies’ oleh Ira M Lapidus: Kritikan terhadap Prakata Karyanya  
(‘A History of Islamic Societies’ by Ira M Lapidus: A Critical study on Its Preface)**

Aizan Ali @ Mat Zin\* & Muhammad Syahmi Ibrahim\*\*

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan menganalisis isu-isu dalam penulisan prakata *A History of Islamic Societies* oleh seorang orientalis Ira M. Lapidus. Buku ini antara rujukan yang digunakan oleh pelajar-pelajar universiti di Barat mahupun di Timur dan Asia, dalam bidang sosial sains dan kemanusiaan yang mengkaji masyarakat Islam. Kaedah pengumpulan data yang diaplikasikan bagi kajian teks ini adalah dokumentasi. Manakala kaedah analisis menggunakan analisis kandungan teks karya penulis. Di samping itu, kandungan data dianalisis secara perbandingan, induktif dan deduktif. Penemuan kajian mendapati isu perbezaan tafsiran data dalam penulisan orientalis seperti Ira M. Lapidus. Faktor perbezaan berpunca daripada sumber rujukan yang bersifat sekunder. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa rujukan primer amat penting dalam penulisan sejarah Islam.

**Kata kunci:** Masyarakat Islam, Tamadun Islam, Sejarah Islam, Islam, Muslim

**Abstract**

*This study aims to analyse issues in the preface section of a literature written by an orientalist Ira M Lapidus. Students of social science and humanities at university level refer to the book in their study on Islamic societies. Data collection in this study gathered by using method of documentation. Then all the collected data were analysed by using content analysis in addition to inductive, deductive and comparative methods. Finding shows that there is issue of differences in data interpretation done by Ira M. Lapidus. This is due to his reference are mainly secondary rather than primary sources. In conclusion, this article strongly suggest the importance of primary source in writing Islamic history.*

**Keywords:** Islamic society, Islamic Civilization, Islamic History, Islam, Muslim

**Pendahuluan**

Ira M. Lapidus dikenali sebagai seorang penulis prolific dan kesarjanaannya diiktiraf oleh pelbagai pihak. Beliau telah berjaya menulis pelbagai buku ilmiah dan tulisannya berjaya menembusi pasaran dunia. Walau bagaimanapun, karya beliau yang berjudul *A History of Islamic Societies*, telah mencatat beberapa perkara yang berbeza dengan catatan sarjana-sarjana Muslim yang menulis sejarah masyarakat Islam di Timur Tengah. Kajian ini menilai dan membandingkan perbezaan yang ada bagi menghasilkan penemuan baru.

**Penulisan Bahagian Prakata dan Pengenalan**

Bahagian prakata buku tersebut padat dengan isu-isu kredibiliti dan akauntabiliti data-data yang diutarakan. Contohnya, dalam perenggan ketiga Lapidus telah menyenaraikan unsur-unsur penting peradaban Islam iaitu suku kaum (*tribal-ethnic*), agama (*religious*) dan budaya kebangsawanan (*courtly-aristocratic culture*).<sup>1</sup> Penulis telah meninggalkan satu unsur yang penting dalam pembangunan sesebuah peradaban Islam iaitu pendidikan. Sistem pendidikan juga memainkan peranan yang paling penting dalam memacu

---

\* Aizan Ali @ Mat Zin (Ph.D), Senior Lecturer, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: aizan@um.edu.my.

\*\* Muhammad Syahmi Ibrahim, Postgraduate Student, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: syahmiibrahimabdulhalim@gmail.com.

<sup>1</sup> Ira M. Lapidus (1999), *A History of Islamic Societies*, United State of America: The Press Sydicate of The University of Cambridge.

peradaban Islam menuju ke arah peradaban yang tinggi terutamanya di zaman Rasulullah SAW<sup>2</sup> dan zaman kegemilangan Islam di bawah pemerintahan Bani Abbasiyyah.

Selain daripada itu, penulis turut menyatakan bahawa: “*part one attempts to explain the development of this civilization in term of the relationship of Islamic cultures to the established institutional patterns of Middle Eastern empires, economies and monotheistic religions.*” Beliau berpandangan bahawa budaya Islam mempunyai kaitan dengan pola institusi yang telah terbina dalam empayar Timur Tengah, ekonomi dan agama-agama satu tuhan. Ini menggambarkan bahawa budaya Islam telah melahirkan sebuah agama yang berkonsepkan penyembahan tuhan yang satu. Konsep sebenar Islam adalah membentuk budaya tersendiri berdasarkan sistem samawi tanpa penolakan total budaya setempat yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Perintah agar manusia mengakui ketuhanan yang esa telah dijadikan budaya dalam kalangan muslim dan bukan sebaliknya. Lapidus juga melabelkan penyebaran dan penerimaan ajaran Islam sebagai sebuah doktrin. Beliau berkata: “*...to explain the transformation of Islam from a **complex of doctrines** and cultural systems into the operative principles of a Middle Eastern society.*”

Menurut kamus Oxford, perkataan “*doctrine*” bermaksud “*a belief or set of belief held and taught by a church, political party or other group.*” Secara khusus, kamus ini menyebut ia sebagai kepercayaan yang dipegang dan diajar oleh gereja, parti politik atau mana-mana kumpulan. Justeru, penggunaan perkataan doktrin sesuai dengan agama Kristian tetapi tidak tepat untuk Islam. Istilah yang lebih tepat dengan Islam adalah kepercayaan bukan doktrin. Di samping itu, istilah doktrin membawa konotasi negatif dalam kalangan masyarakat awam. Selain daripada perkataan doktrin, penulis kerap kali menggunakan istilah rejim apabila beliau merujuk kepada pemerintahan kerajaan Islam. Sebagai contoh petikan di bawah: “*It also examines the consolidation of **Islamic regimes** including the Mughal, the Ottoman and the Safavid empires.*”

Jika perkataan ini merujuk kepada kerajaan atau sistem pentadbiran sesebuah negara sebagai rejim, itu bermaksud kritikan kerana beliau berpendapat ia tidak mengamalkan demokrasi dan menggunakan cara yang tidak boleh diterima pakai. Masyarakat awam memahami perkataan rejim sebagai sebuah pemerintahan yang kejam dan bersifat kuku besi selari dengan maksud yang diberikan oleh kamus Collins: “*If you refer to a government or system of running a country as a regime, you are critical of it because you think it is not democratic and uses unacceptable methods.*” Definisi ini jelas menunjukkan bahawa ia tidak selari dengan ajaran Islam dan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah berkaitan politik. Islam memberikan hak-hak kebebasan beragama tanpa memaksa mana-mana kaum untuk memeluk Islam di samping mewujudkan konsep demokrasi yang berasaskan syura yang menjadi asas tegaknya sesebuah masyarakat dan negara Islam.

Penulis telah menyatakan bahawa pemikiran dan institusi komuniti Islam telah berubah secara radikal akibat dari permasalahan dalaman masyarakat muslim yang memaksa mereka ke arah pembentukan sebuah negara berteraskan nasionalisme, sekularisme dan kemodenan dalam bidang industri dan pertanian: “*In part 3 we see how Islamic societies were profoundly disrupted by the breakup of Muslim empires... These forces led to the creation of national states... in the course of these changes Islamic thought and Islamic communal institution have been radically altered.*”

Walaupun wujud perubahan dari sudut sosial dan politik dalam masyarakat Islam, namun maksud radikal itu tidak sama seperti apa yang difahami oleh penulis, iaitu kemestian perubahan kepada sebuah negara sekular dan berideologi moden. Tidak dinafikan, walaupun wujud perubahan seperti yang difikirkan penulis terhadap beberapa buah negara Islam seperti di Turki yang berideologi sekular, namun penulis harus melihat kepada dunia Islam keseluruhannya seperti perubahan di Pakistan dan Iran yang masih meletak Islam sebagai dasar negara.

---

<sup>2</sup> Riaz Ahmad Saeed, Muhammad Tahir, Naseem Akhter dan Hafiz Abdul Rashid (2020), “Minorities’ rights from Islamic Socio-Political Perspective: Exploration Of Madinah Charter and Constitution of Pakistan,” *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 15, Bil. 2, h. 133-145; Ahmad Dzulfahmi Muhamad dan Mohammad Redzuan Othman (2020), “Pengislahan Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu: Peranan Mudir Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang, 1916-1957,” *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 15, Bil. 1, h. 133-145.

Selain itu apabila bercakap tentang kemunduran masyarakat Islam, di samping tidak menafikan faktor-faktor yang dikemukakan oleh penulis, faktor utama adalah pengabaian umat Islam terhadap ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Masyarakat Islam yang tinggi dibina berdasarkan kedua-dua sumber ini tanpa menafikan asas-asas lain yang lebih bersifat kebendaan dan keduniaan.

Seterusnya artikel ini menganalisis andaian-andaian yang ditonjolkan oleh penulis dalam usaha mengenal pasti pembentukan masyarakat Muslim. Apabila penulis menerangkan peranan sesebuah institusi, pada andaian pertama, beliau tidak menumpukan terhadap unsur kerohanian yang juga turut memainkan peranan penting dalam melahirkan sesebuah masyarakat muslim. Beliau menyatakan bahawa: “*an institution encompasses at once an activity, a pattern of social relations, and a set of mental constructs.*”

Namun pada andaian kedua, beliau menyatakan bahawa sejarah masyarakat Islam boleh dinaratifkan berdasarkan empat jenis asas institusi iaitu kekeluargaan, ekonomi, budaya *atau* agama, dan politik. Walaupun beliau turut menyenaraikan agama sebagai unsur khas sesebuah masyarakat muslim, namun beliau tidak dapat memastikan kebenaran naratif tersebut dan masih tetap ragu tentang peranan yang dimainkan oleh agama. Justeru beliau menulis budaya atau konsep agama: “*cultural or religious concept of ultimate value.*” Ini berdasarkan penulisan beliau yang mengatakan bahawa nilai tertinggi konsep budaya atau agama. Hal ini menunjukkan bahawa Lapidus masih belum dapat membezakan konsep budaya dalam agama Islam dan perbezaan antara keduanya kerana penulis dengan jelas menyatakan tentang institusi-institusi yang membawa kepada pembentukan masyarakat Muslim. Kesimpulannya, agama Islam membentuk budaya yang tersendiri dalam pembentukan masyarakat Muslim.

Andaian ketiga, penulis menyatakan: “*The assumption is that institutional patterns characteristic of Islamic societies had their origin in ancient Mesopotamia in the third millennium B.C.*”<sup>3</sup> Penulis tidak menjelaskan secara terperinci kawasan yang beliau maksudkan dengan timur tengah (*Middle Eastern*). Sama ada timur tengah itu meliputi keseluruhan timur tengah atau meliputi bekas kawasan Mesopotamia seperti Iraq dan Iran. Jika beliau maksudkan keseluruhan timur tengah maka beliau seharusnya menumpukan kepada kawasan semenanjung tanah Arab terutamanya Madinah kerana ia lokasi bermulanya pembentukan masyarakat Islam. Persoalannya, apakah benar tinggalan dari Mesopotamia mempengaruhi pembentukan masyarakat Islam yang awal itu. Penulis merujuk sumber sekunder yang mengatakan demikian dan tidak membandingkan dengan data-data primer dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Artikel ini mencadangkan para pengkaji yang menumpukan kepada kajian sains sosial dan kemasyarakatan membandingkan data-data zaman awal Islam iaitu zaman Rasulullah dan para sahabat kerana ia contoh terbaik tentang masyarakat Islam yang mana asal-usulnya berteraskan wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada rasul-Nya. Perkara ini disokong oleh T. M. Usman El Muhammady yang menyatakan bahawa masyarakat yang diwujudkan oleh Nabi Muhammad berasaskan tasawwur tauhid mempunyai perbezaan yang unik jika dibandingkan dengan asas pembangunan sistem kemasyarakatan lain yang telah dikenali oleh umat manusia sebelum dan sesudah lahirnya Din al-Islam.<sup>4</sup>

Mustafa Daud memetik kenyataan dari Abdul Halim Muhammad yang menjelaskan bahawa sumber pembentukan masyarakat Islam yang pertama dan terpenting ialah al-Quran. Al-Quran merupakan wahyu daripada Allah yang diturunkan kepada Rasulullah sama ada secara langsung atau melalui perantaraan yang kemudiannya dibukukan dan dipindahkan kepada satu generasi kepada generasi yang lain hingga hari ini.<sup>5</sup>

Selain daripada itu, kebanyakan ulama Islam menetapkan bahawa Islam merupakan satu kelompok yang tersendiri terutama dalam konteks masyarakat yang meliputi seluruh cara kehidupan diasaskan dalam pandangan hidup Islam.<sup>6</sup> Ia bercanggah dengan kenyataan yang ditulis oleh Lapidus dalam perenggan ke sepuluh bukunya itu sebagaimana berikut: “*I further assume that culture and sociopolitical institutions and*

---

<sup>3</sup> *Ibid.*, h. xxii

<sup>4</sup> Mustafa Daud (1990), *Pengantar Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10.

<sup>5</sup> T. M. Usman El Muhammady (1962), *Ilmu Masyarakat Islam, Masalah dan Pengertiannya*, Jakarta-Medan: Pustaka Agus Salim, h. 37.

<sup>6</sup> Ahmad Kamar (1982), *Islam dan Sains Sosial, Allah, Manusia dan Masyarakat*, Petaling Jaya: Agensi Penerbitan Nusantara, h. 18.

*economic and technological forces can act autonomously and that each may be causal factor in historical changes.*<sup>7</sup>

Terdapat beberapa faktor yang lebih penting tanpa menafikan faktor-faktor yang telah dikemukakan oleh Lapidus iaitu faktor agama dan ideologi yang juga memberikan kesan dalam perubahan sejarah dunia. Ahmad Shalaby berpendapat bahawa:

...mengenai kesan Islam ke atas masyarakat baru, saya telah terangkan asas-asas pembentukan masyarakat, ini termasuk dasar persaudaraan di antara sesama kaum Muslimin, penyusunan perhubungan di antara kaum Muslimin dan bukan Muslimin termasuk juga penegasan terhadap peraturan-peraturan Islam mengenai perkara-perkara politik, pemerintahan dan hal ehwal ekonomi.<sup>8</sup>

Begitu juga dari sudut ideologi, Karl Marx dengan ideologi Sosialisme telah berjaya membawa perubahan terhadap sejarah dunia yang akhirnya mampu untuk menandingi ideologi kapitalisme dan memberi pengaruh yang besar dalam sistem ekonomi dan politik di Rusia. Contoh yang lain, apabila emperor Roman Constatine (237-306) memeluk agama Nasrani dan gereja Masihi beroleh kemenangan ke atas agama wasani Roman, peristiwa ini mempunyai kesan yang mendalam ke atas lapangan ilmu pengetahuan umumnya dan sejarah khususnya.<sup>9</sup>

Seterusnya dalam baris kedua belas, penulis menyebut: *“Still, the fundamental modes of economic production and exchange were basically unaltered until the modern era.”*<sup>10</sup> Berdasarkan kenyataan Lapidus ini, pembaca akan lupa bahawa perkembangan ekonomi telah lama bermula sejak abad kedua hijrah iaitu semasa pemerintahan khilafah Umayyah dan berkembang maju pada zaman khilafah Abbasiyyah dengan lahirnya golongan ulama terutamanya ulama empat mazhab yang menggabungkan ilmu ekonomi dalam perbahasan fiqh muamalat sebelum pemisahan ilmu ini berlaku pada zaman sesudah mereka yang dipelopori oleh Abu Yusuf dengan kitabnya *al-Kharaj*. Namun, Lapidus tidak membandingkan perubahan ekonomi umat Islam di bawah kebangkitan semula ekonomi masyarakat Muslim yang selama ini berada dalam kebekuan sejak abad ke-4H dengan zaman moden.<sup>11</sup>

Lapidus menegaskan bahawa andaian-andaian yang dinyatakan di dalam buku tersebut bersandarkan kepada beberapa sumber yang bersifat sejarah, sosial sains dan rujukan falsafah: *“...these assumptions derive from a variety of historical, social scientific, and philosophic source.”* Mungkin kerana keterbatasan sumber ini menyebabkan sebahagian sangkaan yang dibuat oleh penulis kurang tepat, kerana apabila seseorang ahli akademik mengkaji tentang sejarah Islam maka sumber yang utamanya tak lain tak bukan adalah al-Quran dan al-Sunnah kerana pembentukan sesebuah masyarakat Islam itu sendiri adalah bersumberkan Al-Quran dan Sunnah yang menjadikan akidah, akhlak dan ibadah sebagai asasnya<sup>12</sup>. Perkara ini disebut sendiri oleh Ahmad Shalaby; *“anehnya kebanyakan buku-buku tidak menjadikan al-Quran al-Karim dan hadis Rasulullah sebagai bahan rujukan di dalam kajian mengenai sesuatu peristiwa yang disebut oleh al-Quran dan hadis.”*<sup>13</sup>

Terdapat juga petikan dari penulis yang mungkin boleh dinilai semula kerana penulisan ini adalah berkaitan dengan sejarah masyarakat Islam. Kekeliruan yang dinyatakan adalah berasas kerana kesamaran dan percanggahan data yang dirujuk oleh Lapidus. Beliau menyatakan: *“As a teacher, I think that endless everyday flow of events and news confuses rather than enlighten us.”*

<sup>7</sup> Lapidus, *A History of Islamic Societies*, h. Xxiii.

<sup>8</sup> Ahmad Shalaby (1975), *Sejarah dan Kebudayaan Islam*, Jilid 1, Singapura: Pustaka Nasional, h. 368 & 369.

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 33 & 34.

<sup>10</sup> Lapidus, *A History of Islamic Societies*, h. xxiii

<sup>11</sup> Surtahman Kastin Hasan (2011), *Ekonomi Islam Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 121-126.

<sup>12</sup> Mustafa (1990), *Pengantar Masyarakat Islam*, h. 11.

<sup>13</sup> Shalaby (1975), *Sejarah dan Kebudayaan Islam*, h. 29.

## **Metodologi Kajian**

Kajian teks penulisan Ira M. Lapidus ini menggunakan kaedah yang khusus dalam pengumpulan data-data kajian. Kaedah dokumentasi yang mengumpulkan bahan-bahan bertulis dan bercetak serta atas talian menghasilkan dapatan yang maksimum dan signifikan di akhir kajian. Dapatan kajian adalah hasil analisis kandungan.

Analisis kandungan adalah alat kajian yang digunakan untuk menentukan kehadiran perkataan, tema dan konsep tertentu dalam teks yang mencatat data-data kualitatif yang dikaji. Penggunaan kaedah analisis kandungan oleh pengkaji boleh menghitung dan menilai kehadiran makna dan kaitan data-data seperti perkataan, tema dan konsep. Sebagai contoh, pengkaji boleh menilai bahasa yang digunakan di dalam teks kajian samada ia bias, prejudis atau bercanggah antara satu sama lain. Justeru inferens dapat dihasilkan oleh pengkaji berkaitan mesej di dalam teks, penulis, pembaca malah budaya yang melingkari dan persekitaran teks tersebut ditulis.

Selain daripada itu, sumber-sumber data adalah pelbagai. Ia boleh berpunca daripada temubual, soalan terbuka, nota-nota kajian lapangan, perbualan atau secara bahasa apa sahaja bentuk bahasa komunikasi seperti buku, esei, artikel, perbincangan, tajuk utama surat khabar, ucapan, media dan dokumen-dokumen sejarah.<sup>14</sup>

### ***Definisi Analisis Kandungan***

Terdapat pelbagai definisi analisis kandungan. Namun kajian ini mengambil hanya 3 definisi analisis kandungan sebagaimana berikut:

Definisi 1: Apa sahaja teknik melakukan inferens secara sistematik dan secara objektif mengenal pasti mesej-mesej dan nilai-nilai tertentu (Sumber: Holsti, 1968).

Definisi 2: Pendekatan yang semulajadi dan interpretif. Ia merangkumi pemerhatian dan naratif alam dan ia kurang bergantung kepada elemen-elemen ujikaji yang biasanya dikaitkan dengan kajian saintifik. (kesahan, keabsahan dan generalisasi) (Sumber Ethnography, Observational Research, and Narrative Inquiry, 1994-2012).

Definisi 3: Teknik kajian untuk mendapatkan objektif, sistematik dan kuantitatif deskripsi manifestasi isi kandungan komunikasi dalam teks (Sumber Berelson, 1952).

### ***Kegunaan Analisis Kandungan***

Antara faedah yang dicapai daripada kaedah analisis kandungan adalah sebagaimana berikut:

1. Mengetahui niat, fokus atau trend komunikasi seseorang, kumpulan atau institusi
2. Deskripsi tindak balas sikap dan gelagat terhadap masyarakat
3. Menentukan status psikologi atau emosi seseorang atau kumpulan
4. Mendedahkan perbezaan antarabangsa dari aspek kandungan komunikasi
5. Mendedahkan pola kandungan komunikasi
6. Analisis kumpulan fokus temu bual dan soalan terbuka dalam melengkapkan data kuantitatif

### ***Jenis-jenis Analisis Kandungan***

Secara umumnya analisis kandungan ada dua jenis: analisis konseptual dan rasional. Jenis yang pertama menentukan kehadiran dan kekerapan konsep dalam teks. Manakala jenis yang kedua membentuk analisis konseptual yang lebih mendalam dengan memeriksa hubungan antara konsep-konsep yang terdapat dalam teks. Setiap jenis analisis ini dapat menunjukkan dapatan kajian yang pelbagai, kesimpulan, interpretasi dan maksud.

## **Dapatan Kajian**

Perbandingan data-data yang dikaji menunjukkan bahawa terdapat percanggahan penulisan Ira M. Lapidus dan sarjana-sarjana Muslim dalam menulis sejarah umat Islam. Justeru, rujukan yang pelbagai dan

---

<sup>14</sup> Public Health (t.t.), "Content Analysis," dicapai 22 April 2021, <https://www.publichealth.columbia.edu/research/population-health-methods/content-analysis>.

pemilihan sumber primer amat penting dalam penulisan sejarah umat Islam bagi menghasilkan data yang sah dan berautoriti.

### ***Perbincangan***

Penulis memulakan bahagian pengenalan beliau dengan menyatakan bahawa struktur asas terhadap pembentukan masyarakat Islam adalah berasal dari tamadun lama timur tengah: *“Islamic societies were built upon the framework of an already established and ancient Middle Eastern civilization. From the pre-Islamic Middle East, Islamic societies inherited a pattern of institutions which would shape their destiny until the modern age.”*<sup>15</sup>

Mustafa Haji Daud menyebut bahawa masyarakat Islam tidak meniru mana-mana model sistem masyarakat yang terdapat di atas muka bumi ini. sebaliknya ia merupakan perencanaan Allah S.W.T. untuk menaikkan taraf dan martabat kemuliaan manusia ke tahap yang sebenar.<sup>16</sup> Secara asasnya yang menyusun pembentukan sebuah masyarakat Islam itu adalah nilai-nilai yang terdapat dalam ajaran Islam. Tanpa mengaplikasikan ajaran-ajaran yang dibawakan oleh Islam, sudah semestinya tidak akan wujud sebuah masyarakat Islam walaupun mereka mewarisi kekayaan budaya dan ketinggian ilmu dari tamadun sebelumnya. Adapun kesan warisan yang ditinggalkan oleh tamadun lama, maka ia adalah faktor-faktor yang terkemudian dalam menyokong pembentukan masyarakat Islam. Malah Ahmad Shalaby sama sekali tidak menggariskan bahawa zaman pra-Islam adalah merupakan warisan dalam pembentukan sesebuah masyarakat Islam. Ahmad Shalaby dalam bukunya Masyarakat Islam menggariskan lima dasar penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat Islam:

1. Menirikan masjid untuk tempat pertemuan kaum muslimin
2. Persaudaraan antara kaum Muslimin
3. Perjanjian antara kaum Muslimin dengan kaum bukan Muslimin
4. Suri teladan yang baik (Rasulullah)
5. Keadilan Sosial

Jika diperhatikan kepada kelima-lima dasar ini maka ia sama sekali tidak terdapat semasa zaman pra-Islam mahupun semasa zaman kuno timur tengah. Sejarah juga memperlihatkan bahawa asal-usul masyarakat Islam adalah dari kesedaran ibadah kepada Tuhan Yang Maha Esa. Pertama, manusia yang hidup berpecah belah mengikut kabilah dan suku kaum serta bermusuhan dan bertelingkah antara kabilah-kabilah dapat disatukan oleh Nabi Muhammad atas dasar keimanan dan ibadah kepada Allah. Kedua, ikatan persaudaraan dan kemurahan hati manusia. Pada era moden konsep ini diberi istilah “kemanusiaan.”<sup>17</sup>

Seterusnya, Lapidus menulis bahawa ajaran tauhid iaitu keesaan Tuhan mula diajar oleh Rasul Israel kuno sebagaimana dalam kenyataan yang berikutnya: *“The oneness of God was preached first by the prophet of ancient Israel and then, in the seventh century BC, by the Iranian prophet Zoroaster. Christianity, and later Islam, would also teach the unity of God.”*<sup>18</sup> Tulisan beliau bercanggah secara signifikan dengan ajaran Islam dan penulisan sejarah umat Islam oleh sarjana-sarjana Muslim di mana ajaran tersebut telah dibawa lebih awal daripada zaman Israel kuno. Utusan Nabi Adam sebagai Rasul pertama di muka bumi telah memulakan ajaran yang mengesakan Tuhan. Malah, hujah Lapidus turut bercanggah dengan penulisan seorang sarjana barat W.C.Smith yang mengatakan Nabi Ibrahim sebagai Rasul pertama menyebarkan ajaran tauhid dan keesaan Tuhan. Smith mengatakan bahawa:

*Abraham’s achievement was the effective proclamation of God’s existence and sole supremacy: never since his day has humanity again totally forgotten that it is He, and He alone, who created the universe, He alone who deserve to be worshipped. The doctrine of monotheism, established by Abraham, never again quite lapsed.*<sup>19</sup>

<sup>15</sup> Lapidus, *A History of Islamic Societies*, h. 3.

<sup>16</sup> Mustafa (1990), *Pengantar Masyarakat Islam*, h. 68.

<sup>17</sup> Kamar (1982), *Islam dan Sains Sosial, Allah, Manusia dan Masyarakat*, h. 33.

<sup>18</sup> Lapidus, *A History of Islamic Societies*, h. 6.

<sup>19</sup> Wilfred Cantwell Smith (1957), *Islam in Modern History*, Princeton: Princeton University Press, h. 12.

Petikan ini bercanggahan dengan ajaran yang dibawakan oleh Islam kerana Islam telah mengiktiraf nabi Adam sebagai rasul yang pertama dalam memahami konsep tauhid dan keesaan Tuhan.

Seterusnya untuk mengaitkan konsep *unity of God* dengan ajaran agama Kristian adalah tiada masalah, tetapi untuk mengaitkannya dengan agama Islam ia merupakan satu konsep yang salah. Ia berdasarkan analisis definisi perkataan *unity* sebagai berikut: “*The state of being joined together or in agreement.*”<sup>20</sup> *Unity is the state of different areas or groups being joined together to form a single country or organization.*”<sup>21</sup>

Konsep ketuhanan yang diajarkan dalam Islam adalah Ketuhanan Yang Maha Esa. Drs. Sidi Gazalba tegas mengatakan bahawa satu-satunya ajaran yang menganut monoteismus hanyalah Islam.<sup>22</sup> Persoalannya adakah tuhan memerlukan persyarikatan dengan selainnya bagi membentuk kekuasaannya yang tunggal? Apakah perlu tuhan membuat sebuah perjanjian dengan pihak lain supaya dia berhak menjadi tuhan yang tunggal? Maka perkataan Esa adalah lebih tepat berbanding *Unity* kerana menurut kamus Esa itu membawa maksud tunggal (Tuhan yang Tunggal).<sup>23</sup> Berbeza dengan *Unity*, ia seolah-olah menggambarkan bahawa sebelumnya tuhan itu melakukan persyarikatan dengan entiti yang lain sebelum menjadi satu. Di samping itu, Drs. Sidi Gazalba menambah bahawa Islam tidak keberatan pada teori evolusi sampai kepada tiga yang satu atau dua yang satu, tetapi kepercayaan Ketuhanan yang esa bukanlah merupakan evolusi akal manusia. Tauhid diturunkan Tuhan sebagai wahyu, ia bukan penemuan akal.<sup>24</sup>

Seterusnya, Lapidus juga menyebut dalam perenggan yang lain bahawa: “*Both the organized Christian churches and the decentralized Jewish communities were precedents for the later organization of Muslim religious associations.*”<sup>25</sup> Kenyataan yang seperti ini tidak seharusnya diterima bulat kerana bakal menghadirkan pelbagai keraguan dan subahat. Hal ini kerana, jika kita menyabitkan bahawa apa-apa yang berkaitan dengan Islam dari segi masyarakatnya atau persatuannya dengan agama-agama yang sebelumnya seperti Yahudi dan Kristian, maka pasti akan menimbulkan pelbagai persoalan apakah Nabi Muhammad itu mengambil isi pelajaran Islam daripada para pendeta atau ahli kitab. Seperti mana yang kita ketahui bahawa masyarakat dan ajaran Islam itu tulen tanpa saduran daripada mana-mana agama di dunia ini. Melihat kepada sebuah artikel yang telah memetik kenyataan KH Hasyim Asy’ari beliau menulis: “Pada dasarnya keinginan ini merupakan dorongan atas imperatif beberapa ayat al-Qur’an dan hadis Nabi Muhammad SAW. Persatuan kaum Muslim merupakan sebuah keniscayaan yang dilandaskan atas keberimanan kepada Allah, karena orang yang beriman itu bersaudara.”<sup>26</sup>

Hanya organisasi persatuan Islam itu sendiri berteraskan kepada ayat al-Quran yang bermaksud: “sesungguhnya orang-orang Islam itu bersaudara.” Maka tidak perlu lagi persatuan Islam itu bersandarkan kepada kebudayaan dan persatuan Kristian dan Yahudi. Selain itu, dengan hadirnya Rasulullah dalam kelompok kaum muslimin, membawakan contoh dan erti persaudaraan sesama Islam. Perkara ini dapat dilihat dengan penyatuan antara dua puak iaitu Muhajirin dan Ansar yang pada akhirnya bersama-sama bersatu mempertahankan Madinah dari serangan orang-orang Quraish Mekah. Menyandarkan pembentukan organisasi persatuan Islam kepada al-Quran dan Sunnah sudah cukup untuk menafikan bahawa umat Islam mewarisi sistem persatuan dari agama Yahudi dan Kristian dan menetapkan bahawa persatuan Islam adalah sebuah persatuan yang tulen.

Di samping itu, persatuan Islam telah dibina berdasarkan kepada persaudaraan dan persahabatan. Tanpa persahabatan, muafakat sukar diasaskan dengan kukuh, apabila tiada muafakat sukar untuk mencapai persetujuan, apabila tiada persetujuan tiadalah persatuan.<sup>27</sup> Hakikatnya Islam itu sendiri yang menyuruh umatnya bersatu, bersatu di dalam iktikad keesaan Tuhan.<sup>28</sup> Berdasarkan penulisan Abdullah al-Qari

<sup>20</sup> Cambridge Dictionary, entri “unity,” dicapai 24 April 2021, <https://dictionary.cambridge.org/us/dictionary/english/unity>.

<sup>21</sup> Collins Dictionary, entri “unity,” dicapai 24 April 2021, <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/unity>.

<sup>22</sup> Sidi Gazalba (1972), *Dialog Antara Kristian Advent dan Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 128.

<sup>23</sup> Kamus Dewan, entri “esa,” dicapai 24 April 2021, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=esa&d=243192&#LIHATSINI>.

<sup>24</sup> Gazalba, *Dialog Antara Kristian Advent dan Islam*, h. 131.

<sup>25</sup> Lapidus, *A History of Islamic Societies*, h. 8.

<sup>26</sup> Ahmad Khoiril Fata dan M. Ainun Najib (2014), “Kontekstualisasi Pemikiran KH. Hasyim Asy’ari tentang Persatuan Umat Islam,” *Miqot: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, Jil. 38, Bil. 2, h. 319-334.

<sup>27</sup> Abdullah Al-Qari Haji Soleh (1953), *Islam Agama Persatuan dan Demokrasi*, Penang: The Press, h. 26.

<sup>28</sup> Abdullah, *Islam Agama Persatuan dan Demokrasi*, h. 53.

persatuan Islam yang soleh boleh dibina berdasarkan beberapa asas tanpa mengambil pengajaran daripada Yahudi dan Kristian, antaranya ialah; penyebaran salam, berbaik-baik dengan manusia, hubungan kaum kerabat, perkahwinan dan sifat berkasih-sayang. Kesemua ini adalah berdasarkan dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Jika kita melihat kenyataan yang dibuat oleh T. M. Usman pula, beliau menulis:

Orang Yahudi dan Kristian yang lebih dahulu masuk Madinah dan di sebelah utara dari Hijjaz, yang lebih dahulu menguasai kabilah-kabilah Arab yang tinggal sekeliling tempat tinggalnya, tidak mampu membentuk atau membina (apa lagi mewujudkan) masyarakat kemanusiaan, masyarakat persamaan dan persaudaraan dan kemerdekaan dalam hak-hak hukum dan sosial serta politik ekonomi.<sup>29</sup>

## **Kesimpulan**

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan penulisan prakata dalam buku *A History of Islamic Societies* adalah amat perlu penulis meletakkan Rasulullah sebagai batu asas terhadap pembinaan sesebuah masyarakat Muslim kerana Rasulullah sendiri dan para sahabat merupakan contoh yang pertama wujud dalam menggambarkan sebuah masyarakat Islam yang berjaya. Perkara ini disentuh oleh Ahmad Shalaby bahawa; salah satu faktor yang memainkan peranan dan berpengaruh sekali dalam mewujudkan masyarakat Islam yang pertama itu dan dalam langkah-langkahnya ke depan, ialah suri teladan yang baik yang terbukti pada peribadi Rasulullah.<sup>30</sup> Pembentukan masyarakat Islam bermula dengan penubuhan institusi masjid yang telah memberikan kesan yang besar terhadap pembangunan masyarakat Islam. Ia merupakan institusi yang pertama didirikan oleh Rasulullah selepas tiba di Madinah sebelum mendirikan institusi-institusi yang lain. Rasulullah bermaksud mendirikan suatu tempat yang tidak dipunyai oleh kabilah ini atau kabilah itu, tidak hanya merupakan tempat untuk bertemunya sesuatu keluarga tertentu, akan tetapi beliau bermaksud membina tempat yang dikunjungi oleh seluruh kaum.<sup>31</sup>

## **Rujukan**

Abdullah Al-Qari Haji Soleh (1953), *Islam Agama Persatuan dan Demokrasi*, Penang: The Press.

Ahmad Dzulfahmi Muhamad dan Mohammad Redzuan Othman (2020), "Pengislahan Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu: Peranan Mudir Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang, 1916-1957," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 15, Bil. 1, 133-145.

Ahmad Kamar (1982), *Islam dan Sains Sosial, Allah, Manusia dan Masyarakat*, Petaling Jaya: Agensi Penerbitan Nusantara.

Ahmad Khoirul Fata dan M. Ainun Najib (2014), "Kontekstualisasi Pemikiran KH. Hasyim Asy'ari tentang Persatuan Umat Islam," *Miqot: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, Jil. 38, Bil. 2, 319-334.

Ahmad Shalaby (1975), *Sejarah dan Kebudayaan Islam*, Jilid 1, Singapura: Pustaka Nasional.

Ahmad Shalaby (1976), *Masyarakat Islam*, Singapura: Pustaka Nasional.

Cambridge Dictionary, entri "unity," dicapai 24 April 2021, <https://dictionary.cambridge.org/us/dictionary/english/unity>.

Collins Dictionary, entri "unity," dicapai 24 April 2021, <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/unity>.

<sup>29</sup> El Muhammadiyah, El Muhammadiyah, *Ilmu Masyarakat Islam, Masalah dan Pengertiannya*, h. 27

<sup>30</sup> Ahmad Shalaby (1976), *Masyarakat Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 41.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 32.

*'A History of Islamic Societies' oleh Ira M Lapidus: Kritikan terhadap Prakata Karyanya*

Kamus Dewan, entri "esa," dicapai 24 April 2021, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=esa&d=243192&#LIHATSINI>.

Lapidus, Ira M. (1999), *A History of Islamic Societies*, United State of America: The Press Syndicate of The University of Cambridge.

Mustafa bin Haji Daud (1990), *Pengantar Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Public Health (t.t.), "Content Analysis," dicapai 22 April 2021, <https://www.publichealth.columbia.edu/research/population-health-methods/content-analysis>.

Riaz Ahmad Saeed, Muhammad Tahir, Naseem Akhter dan Hafiz Abdul Rashid (2020), "Minorities' rights from Islamic Socio-Political Perspective: Exploration Of Madīnah Charter and Constitution of Pakistan," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 15, Bil. 2, 133-145.

Sidi Gazalba (1972), *Dialog Antara Kristian Advent dan Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Smith, Wilfred Cantwell (1957), *Islam in Modern History*, Princeton: Princeton University Press.

Surtahman Kastin Hasan (2011), *Ekonomi Islam Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

T. M. Usman El Muhammady (1962), *Ilmu Masyarakat Islam, Masalah dan Pengertiannya*, Jakarta-Medan: Pustaka Agus Salim.

